

1 NOVEMBER 2025
MUZIUM TAMADUN ASIA

AAGAB 2025

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN



Berita Harian



Isi Kandungan

Sekapur Sirih	01
Seulas Pinang	02
Objektif AGAB	03
Takrif AGAB	04
Senarai Guru AGAB	05
Gambar-Gambar Sesi Teh Bersama Dr. Maliki Osman	10
Arca AGAB 2025	11
Penilaian Peringkat Saringan	12
Penilaian Peringkat Akhir	14
Penerima dan Finalis AGAB 2025	16
Perkongsian Penerima dan Finalis AGAB 2025	17
Lagu AGAB	49
Menjunjung Budi	50
Jawantankuasa Penganjur AGAB	54

SEKAPUR SIRIH



Dr. Syed Harun Alhabsyi
Setiausaha Parlimen Kanan,
Kementerian Pendidikan dan Kementerian
Pembangunan Negara; dan
Pengerusi, Jawatankuasa Pembelajaran dan
Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu
(MLLPC)



Encik Zhulkarnain Abdul Rahim
Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu Singapura
(MBMS)



Encik Mohd Nazry Mokhtar
Editor
Berita Harian



Encik Esfan Rizal Rahwom
Presiden
Persatuan Guru Bahasa Melayu
(PGBM)

SEULAS PINANG

Pengerusi Bersama AGAB 2025



Kiri:

Encik Puad Ibrahim
Editor Malam
Berita Harian (BH)

Tengah (Berdiri):

**Encik Zafilin Abdul
Hamid**
Ahli
Jawatankuasa
Pembelajaran dan
Penggalakan
Penggunaan Bahasa
Melayu
(MLLPC)

Kanan:

**Encik Abdul Harris
Sumardi**
Ahli
Persatuan Guru Bahasa
Melayu
(PGBM)

Tengah (Duduk):

Dr. Roszalina Rawi
Ahli
Majlis Bahasa Melayu
Singapura
(MBMS)

Dengan penuh rasa syukur dan bangga, kami merakamkan penghargaan kepada semua warga pendidik yang terus menjunjung martabat bahasa, sastera dan budaya Melayu di Singapura. Tahun 2025 menandakan satu lagi lembaran bersejarah dalam perjalanan Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB), suatu anugerah yang lahir daripada tekad bersama untuk mengiktiraf guru-guru Bahasa Melayu yang berilmu, berbudi dan berbakti kepada masyarakat.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, AGAB telah menjadi simbol pengiktirafan terhadap ketekunan dan keikhlasan guru-guru Bahasa Melayu kita yang membimbing generasi muda dengan penuh hikmah dan kasih sayang. Dalam setiap penerima dan finalis, terpancar nilai Arif Budiman, iaitu insan yang bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga menyemai nilai, membentuk peribadi dan memupuk jati diri bangsa.

Tema AGAB tahun ini, yang bertepatan dengan sambutan SG60, mengajak kita menelusuri masa, menyuluh jalan untuk masa hadapan bahasa Melayu di Singapura. AGAB 2025 memperingatkan kita bahawa setiap guru Bahasa Melayu ialah cahaya yang menuntun generasi baharu agar terus mencintai bahasa ibunda dan menghayati budaya warisan. Dalam dunia yang kian beralih arah dengan teknologi dan kepelbagaian bahasa, semangat Arif Budiman kekal menjadi kompas yang memandu arah pendidikan kita.

Kami turut menghargai sumbangan pihak sekolah, rakan-rakan kongsi dan pertubuhan-pertubuhan masyarakat yang sentiasa bersama menjayakan usaha memperkukuh bahasa Melayu dalam landskap dwibahasa di Singapura. Kerjasama ini mencerminkan satu ekosistem bahasa yang hidup – di mana pendidik, pelajar, dan masyarakat bergerak seiring demi kesinambungan warisan bangsa.

Kepada semua penerima dan finalis AGAB 2025, tahniah atas pencapaian yang membanggakan. Semoga kisah perjuangan anda menjadi sumber ilham buat generasi pendidik seterusnya.

Semoga anugerah ini terus menjadi inspirasi kepada semua guru untuk terus mendidik dengan hati, menabur bakti dengan budi, dan menyalakan obor bahasa dengan semangat yang tidak pernah padam.

*Pengerusi-pengerusi Bersama
Jawatankuasa Penganjur
Anugerah Guru Arif Budiman 2025*

OBJEKTIF AGAB

ANUGERAH GURU ARIF BUDIMAN

Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) diperkenalkan pada tahun 2007 untuk mengiktiraf sumbangan guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Dengan usaha dan iltizam yang tinggi untuk melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan, guru-guru penerima AGAB merupakan suri teladan kepada guru Bahasa Melayu yang lain.

Objektif Anugerah Guru Arif Budiman

Arif Budiman ialah visi pendidikan Bahasa Melayu di Singapura dan anugerah ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- mengiktiraf guru Bahasa Melayu atas sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah;
- mengiktiraf dan menyokong sumbangan guru Bahasa Melayu melestarikan dan memajukan bahasa, sastera dan budaya Melayu dalam pendidikan; dan
- mengiktiraf guru-guru yang cemerlang sebagai guru teladan dalam memperjuangkan dan memajukan Bahasa Melayu.

TAKRIF AGAB

Takrif ‘Arif Budiman’

‘Arif Budiman’ bermaksud insan berilmu pengetahuan yang berbakti kepada masyarakat. Seseorang yang berciri Arif Budiman mempunyai kekuatan kognitif, moral, emosi dan sosial. Antara ciri-ciri Arif Budiman termasuklah arif atau berpengetahuan tentang bahasa, budaya, nilai dan sastera dan mempamerkan sikap berbudi bahasa serta sentiasa bersedia menabur budi.

Gelar dan Jenis Anugerah

Dua bentuk Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB) dalam empat kategori ditawarkan pada setiap tahun, iaitu:

- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Rendah)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Teladan (Sekolah Menengah/Prauniversiti)
- Anugerah Guru Arif Budiman – Perangsang (Sekolah Menengah/Prauniversiti)

Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Teladan diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru sekurang-kurangnya selama 10 tahun. Anugerah Guru Arif Budiman Kategori Perangsang pula diberikan kepada guru Bahasa Melayu yang cemerlang dan telah berkhidmat sebagai guru kurang daripada 10 tahun.

SENARAI PENERIMA AGAB 2007 HINGGA 2024

Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, seramai 80 guru Bahasa Melayu telah menerima Anugerah Guru Arif Budiman. Mereka ialah:

NO	NAMA	TAHUN/KATEGORI
1	Elmi Zulkarnain Osman	2007/Perangsang
2	Mohd Naim Daipi	2007/Teladan
3	Nur Ashikin Sapri	2007/Perangsang
4	Ishak Abdul Latiff	2007/Teladan
5	Salina Hussin	2008/Perangsang
6	Mohd Khir Sapuan	2008/Teladan
7	Abdul Malek Ahmad	2008/Teladan
8	Sazali Sahri	2008/Teladan
9	Halimatussa'diah Jaffar	2009/Perangsang
10	Haryati Surana	2009/Perangsang
11	Azyanti Md Mudakir	2009/Perangsang
12	Noraishah Mostapa	2009/Teladan
13	Muliana Mohammad	2010/Perangsang
14	Nurisham Ismail	2010/Teladan
15	Norashikin Abdul Hamid	2010/Teladan

NO	NAMA	TAHUN/KATEGORI
16	Haniza Abdul Manan	2010/Perangsang
17	Hafsah Mohd Kassim	2010/Teladan
18	Ariyanti Sukaimi	2011/Perangsang
19	Farizan Md Amin	2011/Perangsang
20	Salha Mohamed Hussain	2011/Teladan
21	Safidah Samsudin	2012/Teladan
22	Massuniza Ismail	2012/Perangsang
23	Supandi Djoeraemi	2012/Teladan
24	Muslim Hanafiah	2012/Teladan
25	Norwati Sulaiman	2013/Teladan
26	Rashidah Rajah	2013/Teladan
27	Rasidah Rasit	2013/Teladan
28	Effendy Ahmadi	2013/Teladan
29	Nazarudin Abdul Bakar	2013/Perangsang
30	Muhammad Irwan Jamal	2013/Perangsang
31	Azizah Shaik Abdul Kadir	2014/Teladan
32	Zaleha Ahmad	2014/Teladan
33	Nuraina Mohamed Sin	2014/Perangsang

NO	NAMA	TAHUN/KATEGORI
34	Nurbayah Ismail	2014/Perangsang
35	Yahida Yahya	2014/Teladan
36	Ridzuan Abraham	2014/Teladan
37	Norazlina Abdul Jalil	2015/Teladan
38	Nurisha Hamid	2015/Teladan
39	Nur'abidah Abdul Rahman	2015/Perangsang
40	Marliana Mohd Rashid	2015/Perangsang
41	Azhar Abdul Rashid	2016/Perangsang
42	Siti Zainab Zainal	2016/Perangsang
43	Rashidah Abdullah	2016/Teladan
44	Norafizah Shariff	2016/Teladan
45	Azah Abdul Aziz	2016/Teladan
46	Mohd Pitchay Gani Mohd Abdul Aziz	2017/Teladan
47	Djohan Abdul Rahman	2017/Teladan
48	Fauziah Mohamed Ata	2017/Teladan
49	Nurhiza Mohamed	2017/Perangsang
50	Mohammad Jamalludin Mohammad Affandi	2017/Perangsang
51	Roslie Buang Sidik	2018/Teladan

NO	NAMA	TAHUN/KATEGORI
52	Khairyanie Kamsani	2018/Perangsang
53	Amirul Asri Hussin	2018/Perangsang
54	Rita Zarina Mohd Nazeer	2018/Teladan
55	Mohamad Zareen Mohamed Shariff	2018/Teladan
56	Arfah Buang	2019/Teladan
57	Muhd Andi Mohd Zulkepli	2019/Perangsang
58	Norasiken Mohd Noor	2019/Perangsang
59	Siti Mariam Manshor	2019/Teladan
60	Sabrina Samsuri	2019/Teladan
61	Nurhafeza Hanem Abdul Azal	2019/Perangsang
62	Elna Hussin	2020/Teladan
63	Siti Rohani Hanim Selamat	2020/Perangsang
64	Nur Syahirah Sa'adon	2020/Perangsang
65	Manisah Osman	2021/Teladan
66	Mohd Fuad Salim	2021/Teladan
67	Zulhafiz Zainal	2021/Teladan

NO	NAMA	TAHUN/KATEGORI
68	Shaheda Salim	2021/Perangsang
69	Nor Azlin Abdul Aziz	2021/Perangsang
70	Nurul Huda Muhammad Yassin	2022/Perangsang
71	Dr. Zainaba Omar	2022/Teladan
72	Mohamad Firuz Jelaludin	2022/Perangsang
73	Nurul Syakinah Sahak	2022/Perangsang
74	Irmawati Mascom	2022/Teladan
75	Noraini Karsani	2023/Teladan
76	Hairani Asri	2023/Perangsang
77	Nur Amalina Shalan	2023/Perangsang
78	Faridah Mohamed Ali	2024/Perangsang
79	Siti Aishah Mohd Kamsani	2024/Perangsang
80	Hafiza Yahya	2024/Teladan

SESI TEH BERSAMA PENERIMA AGAB 2024





Membentuk & Melengkapi

Kendi-kendi istimewa hasil kerjasama antara Sekolah Menengah Boon Lay dengan Sekolah Menengah Westwood. Hasil kolaborasi ini turut mendapat inspirasi daripada artis seramik terkenal, Encik Ahmad Bin Abu Bakar, bersempena majlis Anugerah Guru Arif Budiman (AGAB).

Bentuk kendi yang unik dihasilkan dengan menggabungkan dua mangkuk menjadi satu asas bulat yang kukuh. Reka bentuk ini melambangkan ikatan abadi antara guru dan pelajar; kedua-duanya saling membentuk dan melengkapi dalam perjalanan ilmu. Ketinggian dan bentuknya yang sederhana mencerminkan sifat pengajaran yang berpijak di bumi nyata dan menggambarkan bahawa kekuatan terletak bukan pada sesuatu yang zahir, tetapi pada dedikasi dan keikhlasan yang berterusan.

Sementara itu, motif ukiran padi yang halus melambangkan guru sebagai penabur benih kebijaksanaan, memelihara pertumbuhan dengan penuh kesabaran dan kasih sayang. Pelajar pula diibaratkan sebagai hasil tuaian yang terus berkembang dan berbuah. Seperti padi yang menyokong kehidupan sejagat, guru menyokong kecintaan terhadap bahasa, sastera, dan budaya, seterusnya memperkaya generasi akan datang dengan warisan yang tidak ternilai.

Justeru, hasil ciptaan kendi ini bukan sekadar artifak seni, tetapi lambang penghormatan yang mendalam kepada para guru atas dedikasi mereka terhadap bahasa Melayu. Mereka diiktiraf sebagai legasi hidup yang membentuk bukan sahaja pemikiran, malah turut menyentuh hati nurani setiap anak didik.

PENILAIAN PERINGKAT SARINGAN





PENILAIAN PERINGKAT AKHIR





GAMBAR-GAMBAR PENERIMA DAN FINALIS AGAB 2025



PENERIMA AGAB 2025

KATEGORI PERANGSANG

SITI SUHANA BINTE ALIAS

Sekolah Perempuan Paya Lebar Methodist (Rendah)



Selepas menamatkan pengajian di NTU/NIE, empat tahun pertama saya di PLMGS menjadi asas penting dalam membentuk kerjaya sebagai guru Bahasa Melayu.

Saya mula mengajar murid Darjah 2, 4 dan 6 serta memikul tanggungjawab sebagai penyelarar sejak 2022. Dalam tempoh ini, saya memperoleh banyak ilmu dan kemahiran melalui pengajaran, penyediaan bahan serta perkongsian di peringkat kelompok dan nasional. Saya juga berperanan sebagai mentor kepada guru kontrak dan sedar masih banyak yang perlu dipelajari untuk terus berkembang sebagai pendidik.

Minat saya tertumpu pada integrasi ICT dan penilaian literasi bahasa untuk membantu murid menguasai bahasa dengan yakin serta menikmati pengalaman pembelajaran yang bermakna.



Antara cabaran utama saya sebagai guru Bahasa Melayu ialah kecenderungan ramai murid menggunakan bahasa Inggeris kerana dibesarkan dalam suasana persekitaran yang lebih mengutamakan bahasa tersebut. Akibatnya, mereka kurang yakin bertutur dalam bahasa Melayu walaupun di dalam kelas. Bagi mengatasinya, saya berusaha mewujudkan suasana pembelajaran kondusif dan menyeronokkan agar murid yakin menggunakan bahasa Melayu secara konsisten.

Satu lagi cabaran yang dihadapi ialah minat membaca bahan bacaan Melayu yang masih rendah. Memandangkan kemahiran membaca merupakan asas penguasaan kosa kata, saya berusaha memperkenalkan bahan pembelajaran yang relevan, kreatif dan interaktif. Saya juga memanfaatkan teknologi untuk menyemai kecintaan terhadap bahasa Melayu.



Harapan saya sebagai seorang pendidik, pertama, agar murid memiliki pegangan nilai yang kukuh, beradab dan berakhlak mulia, seterusnya mampu membuat keputusan yang bermanfaat kepada diri, keluarga dan masyarakat. Dalam dunia penuh cabaran serta pengaruh media sosial, saya berpegang pada mendidik mereka agar sentiasa berpanduan nilai murni, seiring

dengan aspirasi melahirkan generasi Arif Budiman. Saya juga berharap pengajaran Bahasa Melayu terus berkembang dengan pendekatan yang inovatif dan bermakna, agar murid melihat bahasa ini bukan sekadar mata pelajaran, tetapi sebagai bahasa hidup yang menghubungkan identiti, membina jati diri, memperkaya pandangan dunia mereka, serta kekal relevan sebagai bahasa rasmi dan warisan budaya Singapura.

Bagi saya, Arif Budiman melambangkan insan berilmu dan berbudi, yang melihat ilmu bukan sekadar bekalan untuk diri sendiri, tetapi cahaya yang menyinari orang lain. Ilmu yang dipadukan dengan budi mampu membimbing masyarakat melangkah maju dengan keikhlasan jiwa dan nilai yang murni. Justeru, saya percaya pencapaian dan kemajuan tidak pernah dicapai bersendirian, sebaliknya digerakkan bersama agar setiap insan dapat berkembang tanpa ada yang tersisih. Pada hemat saya, nilai Arif Budiman perlu dizahirkan bukan sahaja di dunia nyata, tetapi juga di sebalik kekunci papan, agar teknologi menjadi wadah yang memperluas kebaikan, menyuburkan budi dan menghubungkan insan demi membina masyarakat yang lebih sejahtera.





“Adakala langkah guru terasa berat, namun warisan ilmunya menjadi bekal hidup murid sepanjang hayat.”

Pengalaman yang tidak dapat saya lupakan adalah apabila seorang murid begitu gusar hingga sukar memberanikan diri untuk hadir ke sekolah. Rasa takutnya bukan terhadap Matematik, tetapi Bahasa Melayu. Dengan bimbingan berterusan dan kerjasama ibunya, keyakinannya sedikit demi sedikit terbina. Melihatnya kembali hadir di bilik darjah dengan senyuman serta berani mencuba menjadi detik bermakna yang meneguhkan tekad saya sebagai pendidik untuk terus percaya pada potensi atau keupayaan setiap murid.

Objek yang menggambarkan pegangan saya sebagai pendidik ialah air. Air sentiasa menyesuaikan bentuk bekasnya, sebagaimana guru harus menyesuaikan pengajaran mengikut keperluan murid. Ada murid belajar melalui gambar, ada melalui pergerakan, ada pula perlahan tetapi tekun. Peranan saya

bukanlah menghadkan mereka pada satu cara, tetapi membimbing sambil mengalir bersama alur pembelajaran yang unik bagi setiap murid. Air menyegarkan dan menghidupkan, sebagaimana pembelajaran inklusif menumbuhkan keyakinan serta mendalami kecintaan murid terhadap bahasa.

PENERIMA AGAB 2025

KATEGORI PERANGSANG

FILZATUL AZREEN BINTE GAZALI
Sekolah Menengah Anderson



Orang kata, jauh perjalanan, luas pemandangan. Memang panjang perjalanan untuk 'sampai' ke Sekolah Menengah Anderson sebagai guru permulaan secara rasmi. Kini, setelah tujuh tahun di sini, saya berada di bawah bimbingan guru-guru legenda dan rakan sekerja yang sentiasa ringan tangan menghulurkan bantuan apabila diperlukan. Kemahiran yang diasah di Anderson memperkukuh lagi ilmu yang telah saya peroleh melalui bimbingan guru-guru di Sekolah Menengah Yio Chu Kang dan Sekolah Menengah Evergreen suatu ketika dahulu.

Sebagai pusat EMAS dan MLEP di Anderson, saya berpeluang mengajarkan Bahasa Melayu Lanjutan kepada pelajar Anderson dan pelajar pelawat dari sekolah lain. Lebih mengembirakan, saya turut berpeluang meneroka perspektif pelajar melalui subjek Sastera Melayu Elektif.



“Saya membayangkan satu komuniti pelajar yang mampu memimpin dengan semangat untuk mempertingkatkan keadaan masyarakat.”

Pelajar terdedah kepada dunia luar menerusi media sosial yang menjadi ‘teman’ harian mereka. Antara cabaran utama ialah menapis perspektif luar yang ditonton dan menerima bulat-bulat tanpa sebarang pengesanan. Apabila tiba masa perbincangan di dalam kelas, pelbagai perspektif akan dikemukakan oleh

mereka, namun seringkali tanpa memahami bahawa konteks berbeza harus dianalisis melalui lensa yang berbeza. Disebabkan pendedahan ini, sukar untuk menemukan pelajar yang benar-benar tidak tahu tentang sesuatu topik.

Oleh itu, peranan guru kini bukan sekadar mengajar, tetapi juga mendidik dan membetulkan salah tanggapan yang diserap daripada media sosial. Cabaran besar adalah memastikan keseimbangan; pelajar harus kekal fokus pada pelajaran, namun pada masa yang sama terbuka kepada pandangan dunia masyarakat, berlandaskan fakta yang sah.

Pelajar yang berfikiran luas akan meraikan ilmu. Pelajar harus dibentuk untuk tidak sesekali merendahkan usaha orang lain semata-mata untuk mendaki tangga kejayaan.

Lebih besar lagi, saya berharap dapat melahirkan generasi anak bangsa yang bangga, bersemangat, dan berani memperjuangkan nasib masyarakat. Mereka mampu mengutarakan pandangan dengan berhemah tentang apa jua isu yang dekat di hati, berpegang pada mentaliti: kalau tidak dipecah ruyung, manakan dapat sagunya. Pegangan ini seiring visi Unit Bahasa Melayu Anderson: Santun Berbahasa, Yakin Bersuara.



Arif membaca gelagat insan di hadapan
pekanya hati meneliti
di balik mata yang redup,
ada cerita yang perlu difahami
ada jiwa yang harus dibimbing

Guru,
bahasanya tidak sekadar kata
namun diadun mengikut nadi pendengar
agar setiap tutur menjadi suluh
agar setiap ilmu menyubur rasa percaya

Budiman dalam tutur dan laku,
tiada siapa tersisih dari bicaranya
yang jauh didekatkan
yang rapuh dikuatkan
kerana di hujungnya
pendidikan bukan sekadar pelajaran
tetapi pembinaan insan.

Saya mencari pelbagai cara untuk meningkatkan keyakinan lisan pelajar Bahasa Melayu Asas yang tidak lancar berbahasa Melayu atau menggunakan struktur asas untuk menyampaikan idea mereka secara efektif.

Saya masih ingat, pada masa itu, saya mengkaji pelbagai pendekatan, termasuk seorang pelajar untuk berdiri ala *Superman*. Saya juga melatihnya untuk mendeskripsikan perkataan yang tidak dapat difikirkannya menggunakan kosa kata sedia ada, agar penyampaianya lebih lancar. Kini, pelajar itu lebih yakin menggunakan bahasa Melayu dalam perbualan hariannya.



Ibarat kapal penyelamat elektrik, ada kalanya berada di lautan bergelora, dan pada masa-masa lain di lautan tenang. Saya meneroka bumi mencari kapal-kapal lain yang memerlukan bantuan untuk kembali dikemudi, dan kemudiannya berpisah dalam keadaan kapal-kapal tersebut selamat, tenang, serta bersedia menghadapi badai mendatang.

Seorang guru yang sentiasa terus maju kelihatan tenang walau lautan bergelora; namun hanya nakhodanya yang tahu ganasnya enjin bertugas, kasarnya dan derasny gerakan air yang menghempas luaran kapal—semuanya demi mengemudi dengan tenang dan yakin.

Sesekali, saya menemui pelajar yang memerlukan sokongan untuk melalui cabaran dalam kehidupan dan saya menongkah bersama mereka menempuh arus sebelum melepaskan mereka kembali. Zaman remaja merupakan zaman yang paling berharga dan menyeronokkan dalam hidup kita.

PENERIMA AGAB 2025

KATEGORI TELADAN

MUHAMMAD MUKHLIS DZULFITRI BIN DZULKIFLI
Sekolah Rendah Waterway



Sejak 2015, saya berpeluang mengajar murid-murid yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Ini menyedarkan saya bahawa setiap murid mempunyai gaya pembelajaran tersendiri dan ramai yang kurang yakin akan diri mereka. Justeru, saya menyediakan platform kepimpinan dalam kelas untuk membina keyakinan dan mengukuhkan kolaborasi. Pada 2022, saya diberikan amanah sebagai Ketua Subjek Kepimpinan Pelajar pemangku untuk meneliti semula sistem sedia ada dan membangunkan struktur kepimpinan murid peringkat sekolah. Pada 2025, saya dilantik secara rasmi dan berhasrat untuk terus memperjuangkan suara serta memperkasa keupayaan murid melalui kepimpinan yang memacu masa depan pendidikan.

Cabaran utama saya adalah memastikan pembelajaran Bahasa Melayu kekal menarik dan relevan di era digital. Ramai murid lebih cenderung berbahasa Inggeris serta bergantung pada maklumat daripada ruang siber dan media sosial. Justeru, sebagai guru, saya perlu kreatif menggunakan pendekatan baharu seperti membincangkan isu semasa, memperkenalkan istilah terkini, serta memanfaatkan teknologi untuk



meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Pada masa yang sama, saya perlu peka terhadap trend yang mempengaruhi murid agar dapat membimbing mereka menapis maklumat, memperbetul salah faham, dan membentuk nilai yang betul dalam kehidupan seharian.

Harapan saya adalah untuk melahirkan generasi cemerlang, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga yang berakhlak mulia, berdaya tahan dan mempunyai semangat menyumbang kepada keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara. Di peringkat sekolah rendah, saya mahu murid mengenali kekuatan diri serta menemui tujuan hidup mereka. Melalui pendidikan Bahasa Melayu, saya berharap dapat memperkenalkan aspek budaya dan

warisan, di samping membina generasi yang berfikiran kritis dan mampu berkolaborasi dengan rakan-rakan tanpa mengira bangsa. Sebagai pendidik, saya juga ingin terus memberikan inspirasi kepada rakan sejawat melalui perkongsian amalan baik demi membentuk generasi pelajar berdaya saing dan berakhlak mulia.

Bagi saya, Arif Budiman membawa maksud seorang yang berakhlak mulia, berilmu dan menggunakan ilmu serta akhlak yang baik untuk menyebarkan kebaikan. Seorang Arif Budiman memberikan inspirasi kepada murid dan rakan guru untuk terus menyumbang serta berbakti kepada keluarga, masyarakat, bangsa, agama dan negara. Dalam erti kata





lain, Arif Budiman ialah guru yang mendidik dengan hati, berpandangan jauh, memahami keperluan negara dan masyarakat dan membina generasi masa hadapan yang berakhlak mulia serta bertanggungjawab. Gelaran ini merupakan satu amanah besar yang mengingatkan saya bahawa setiap usaha mendidik haruslah berlandaskan keikhlasan, dengan harapan dapat membentuk generasi yang menyumbang kepada masa depan negara yang lebih cerah.

Pengalaman paling bermakna adalah ketika saya mempunyai seorang murid yang kurang sokongan keluarga dan kerap tidak hadir ke sekolah. Hampir setiap pagi saya mengunjunginya untuk membangunkannya serta memastikan dia hadir ke sekolah. Saya juga meluangkan masa mendengar

rintihan hatinya dan membantu menyusun jadual hariannya. Perubahan yang ditunjukkannya amat menyentuh hati apabila dia lebih konsisten hadir ke sekolah. Hingga kini, saya masih mendoakan kesejahteraan dan kejayaannya.

Bagi saya, sebuah peta melambangkan perjalanan hidup yang dilakar dengan ilmu dan nilai. Guru ibarat peta yang memberikan panduan, membantu murid mencari arah serta melihat kemungkinan jalan yang terbentang. Ada laluan singkat, ada yang berliku, tetapi setiap satunya membawa pengalaman yang berharga. Dengan berpandukan peta ini, murid mampu melangkah yakin, mengharungi cabaran dan akhirnya tiba ke destinasi kejayaan sebagai insan berakhlak mulia dan mempunyai pemikiran berorientasikan kebaikan.



“Guru melahirkan Insan. Insan membina Masyarakat. Masyarakat membangunkan Negara.”

FINALIS AGAB 2025

KATEGORI PERANGSANG

NUR ADILAH BINTE KHAMSA
Sekolah Rendah Greenwood



Perjalanan kerjaya saya bermula sebagai pendidik di Sekolah Rendah Greenwood, iaitu sekolah rendah saya sendiri. Pengalaman unik ini memberikan peluang untuk saya berkolaborasi dengan guru-guru yang dahulunya saya kagumi sebagai seorang murid tetapi kini sebagai rakan sekerja dalam melestarikan Bahasa Melayu. Pelantikan sebagai ICT Champion pada tahun 2023 membuka ruang untuk saya memperkaya sumber pembelajaran berasaskan gamifikasi. Sokongan yang berterusan daripada Ketua Jabatan, Cikgu Junainah Md Yusoff, Guru Kanan Cikgu Najiyah Md Said, serta rakan-rakan sejawat membolehkan saya mengukuhkan kemahiran dan meningkatkan kreativiti dalam PdP saya. Dengan sokongan ini, saya dapat mempertingkatkan kemahiran dan mempersiapkan murid-murid dengan Kemahiran Abad Ke-21.

Cabaran utama yang saya hadapi adalah mengekalkan kecintaan terhadap bahasa Melayu dalam kalangan murid yang semakin terdedah pada pengaruh bahasa lain terutamanya bahasa Inggeris melalui media digital. Generasi muda kini lebih cenderung menggunakan bahasa campuran dalam komunikasi harian, menjadikan usaha melestarikan kemurnian bahasa sebagai satu tugas yang mencabar. Selain itu,



keperluan untuk menyeimbangkan pendekatan tradisional dengan kaedah pembelajaran moden turut menjadi cabaran. Saya perlu memastikan penggunaan teknologi dalam pengajaran tidak mengurangkan penghayatan terhadap keindahan dan kekayaan bahasa Melayu.

Melalui pendekatan gamifikasi, saya berusaha menjadikan pembelajaran bahasa lebih menarik sambil mengekalkan nilai-nilai murni bahasa. Cabaran ini memerlukan kreativiti berterusan dalam mereka bentuk aktiviti pembelajaran yang bermakna.



Harapan saya sebagai pendidik adalah untuk melahirkan generasi yang mampu menggunakan bahasa Melayu dengan fasih dan bangga melestarikan warisan Melayu. Saya berharap murid-murid dapat menghayati keindahan dan kekayaan Bahasa Melayu, bukan sekadar sebagai mata pelajaran akademik, tetapi sebagai identiti dan jati diri mereka. Saya juga mahu menanamkan semangat ketekunan dalam diri setiap murid. Saya ingin mereka memahami bahawa setiap kesukaran ialah peluang untuk mereka berkembang dan menjadi lebih berdaya bingkas. Dengan membina keyakinan diri dan daya

tahan mental yang kukuh, saya yakin murid-murid akan terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan walaupun berhadapan dengan pelbagai rintangan. Nilai-nilai ini akan membantu mereka berjaya bukan sahaja dalam akademik tetapi juga dalam kehidupan seharian.

Arif Budiman bagi saya ialah seorang pendidik yang sentiasa mempertingkatkan kemahiran dan belajar sepanjang hayat. Seorang yang arif tidak pernah berhenti mencari kaedah baharu untuk meningkatkan kualiti pengajaran. Budiman pula, bermaksud rendah hati dalam menerima pandangan dan cadangan pendidik lain. Sebagai pendidik muda, saya melihat Arif Budiman sebagai inspirasi untuk terus berinovasi dalam pendekatan pengajaran sambil membangkitkan semangat murid dalam mencapai potensi terbaik mereka. Konsep ini mengingatkan saya bahawa kejayaan dalam pendidikan bukan hanya diukur melalui pencapaian akademik, tetapi juga melalui keupayaan untuk menginspirasi dan memotivasi murid.

Oleh itu, Arif Budiman ialah pendidik yang mampu menyesuaikan diri dengan perubahan zaman dalam melahirkan generasi yang cemerlang.

Pengalaman paling bermakna bagi saya adalah apabila murid-murid mempercayai saya sebagai pelindung mereka. Mereka kerap meluahkan perasaan gembira ketika berada dalam kelas dan menunjukkan semangat yang tinggi untuk mencapai kejayaan. Melihat perubahan sikap murid yang pasif menjadi proaktif dalam pembelajaran telah memberikan saya kepuasan yang mendalam.

Detik-detik ini menguatkan keyakinan saya bahawa setiap murid mempunyai potensi untuk cemerlang apabila diberikan sokongan dan bimbingan yang sewajarnya dalam persekitaran pembelajaran yang kondusif.





“Seperti pelita, saya berharap untuk menerangi perjalanan pembelajaran murid-murid, khususnya bagi mereka yang menghadapi kesukaran dalam menguasai bahasa Melayu.”

FINALIS AGAB 2025

KATEGORI PERANGSANG

NOORHIDAYAH BINTE MD TAIB
Sekolah Menengah Compassvale



Saya memulakan kerjaya sebagai seorang Pendidik Sokongan (AED – T&L) sambil menimba ilmu melalui Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Sastera Melayu. Setelah menamatkan PGDE pada tahun 2016, saya mengorak langkah di Sekolah Menengah Compassvale sebagai guru Bahasa Melayu. Minat saya terhadap bahasa, linguistik dan sastera Melayu semakin mendalam, termasuk sejarah, peranan, dan kerelevannya dalam masyarakat Singapura. Saya melanjutkan pengajian Sarjana secara sambilan di NIE/NTU sambil mengajar. Sepanjang 9 tahun, saya menerapkan pengajaran yang menyeronokkan, interaktif dan berunsurkan budaya Melayu. Pada tahun 2025, saya dilantik sebagai Ketua Jabatan subjek Bahasa Melayu, mengetuai pelaksanaan sukatan baharu dan memastikan agar Bahasa Melayu terus relevan serta dapat menginspirasi pelajar.

Sebagai guru Bahasa Melayu, cabaran pertama adalah menghadapi generasi muda yang jarang menggunakan bahasa Melayu dengan betul. Justeru, saya bertekad untuk menyalakan cinta dan penghargaan terhadap bahasa Melayu, sejajar pepatah, tak kenal maka tak cinta. Saya mengamalkan pendekatan berpusatkan pelajar melalui penilaian alternatif, mencipta treler buku menggunakan kemahiran merumus dan bercerita secara meyakinkan. Aktiviti ini menggalakkan penggunaan bahasa Melayu



dan teknologi, selaras dengan kecenderungan pelajar celik teknologi.

Cabaran kedua adalah kurangnya pendedahan pada budaya dan sastera Melayu. Melalui aktiviti kinestetik seperti mencanting batik, melakonkan cerita rakyat dan menghasilkan kad raya berpuisi, saya menanamkan rasa gembira dalam pembelajaran dan membina kecintaan berpanjangan terhadap bahasa dan budaya Melayu.

Sebagai seorang pendidik, harapan saya adalah untuk memberikan impak positif kepada pelajar bukan sahaja dari segi akademik tetapi juga dari segi sahsiah, nilai murni

dan pemahaman terhadap budaya serta jati diri mereka. Saya berharap pelajar dapat menjadi insan yang beradab, berilmu, dan menghargai warisan Melayu, seperti 'jauhari yang mengenal manikam'. Saya juga ingin terus memberikan inspirasi, memupuk kecintaan terhadap bahasa dan budaya Melayu, serta memperkasakan mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif. Seiring itu, saya berharap dapat terus berjuang bersama rakan pendidik dengan mengamalkan kaedah pengajaran inovatif yang menyeronokkan dan bermakna bagi pelajar.

Bagi saya, seseorang yang bergelar Arif Budiman ialah insan yang bukan sahaja berilmu tetapi juga berakhlak mulia, beradab dan menghargai nilai



serta budaya bangsa. Mereka mampu membuat keputusan bijak, bertindak dengan tanggungjawab, serta menepati prinsip hidup. Sebagai guru, saya berharap pelajar saya menjadi Arif Budiman yang menguasai ilmu, membina sahsiah yang baik dan menghargai warisan Melayu. Mereka bukan sekadar cemerlang dalam akademik tetapi juga mempunyai jati diri, rasa hormat dan kecintaan terhadap bahasa serta budaya Melayu, sejajar dengan aspirasi pendidikan holistik. Jelaslah, Arif Budiman bagi saya ialah gabungan ilmu, nilai murni dan kecintaan terhadap warisan yang membentuk insan lengkap dan bermakna.

Sehingga kini, setiap pengalaman bersama pelajar amat saya hargai. Saya masih teringat kohort pertama, 2019 yang saya bimbing dari menengah 1 hingga 4. Ketika peperiksaan peringkat O pada Jun 2019, saya sedang hamil tujuh bulan. Apabila keputusan peperiksaan diumumkan, mereka tetap menghubungi saya melalui panggilan video walaupun pada ketika itu saya masih dalam pantang selepas bersalin. Akhirnya saya mendapat tahu bahawa 86 peratus daripada pelajar-pelajar itu mendapat kepujian. Ikatan mesra ini terus hidup melalui acara berbuka puasa dan sambutan hari raya. Masa yang diluangkan bersama anak-anak didik saya, meninggalkan kenangan manis dan penuh makna.

Bagi saya, pokok melambangkan pegangan saya sebagai pendidik. Seperti pokok yang terus berkembang, berakar kuat dan menyesuaikan diri dengan persekitaran, saya akan sentiasa menimba ilmu baharu, mewakili semangat pembelajaran sepanjang hayat. Pokok juga melambangkan kesabaran dan pertumbuhan, sama seperti usaha membimbing pelajar, menanam minat terhadap bahasa dan budaya Melayu serta memperkukuh sahsiah mereka. Saya berharap pelajar turut berkembang, mencintai pembelajaran dan meneladani semangat ini sepanjang hayat.





“Cintailah ilmu, bimbing dengan hati dan nyalakan semangat belajar sepanjang hayat.”

FINALIS AGAB 2025

KATEGORI TELADAN

SITI AIDAH BINTE MOHAMAD AMIN
Institusi St Joseph Junior



Pada mulanya, saya berkhidmat di sekolah menengah selama 18 tahun. Di sekolah menengah, tumpuan utama saya adalah mengasah penguasaan bahasa pelajar, memartabatkan budaya Melayu serta membuat persediaan untuk peperiksaan.

Selepas hampir dua dekad, saya beralih ke sekolah rendah. Di sekolah rendah, fokus saya adalah membina asas yang kukuh dalam penguasaan bahasa serta menyemai minat dan rasa cinta terhadap bahasa dan budaya. Saya perlu menyesuaikan pendekatan pengajaran, menggunakan kaedah yang lebih interaktif dan berpusatkan murid seperti nyanyian, permainan bahasa, dan bercerita.

Perbezaan ini mengajar saya menyesuaikan pendekatan mengajar agar sesuai dengan tahap perkembangan pelajar; sekaligus memperkaya pengalaman saya sebagai pendidik.

Pelajar bukan penutur jati sukar memahami arahan dan bahan pembelajaran. Guru perlu menggunakan bahasa mudah, memberikan contoh jelas, dan menyediakan alat bantu supaya pelajar lebih cepat menangkap dan mengikuti pelajaran.



Kosa kata yang terhad menyukarkan pelajar menyatakan idea dan perasaan mereka. Oleh itu, aktiviti yang menyeronokkan dan berstruktur amat penting untuk memperkaya kosa kata secara berperingkat serta meningkatkan keyakinan mereka dalam berkomunikasi.

Pelajar daripada latar budaya yang berbeza pula mungkin menghadapi kesukaran menyesuaikan diri dengan pengajaran yang berkait dengan budaya Melayu. Justeru, guru perlu peka dan menghargai kepelbagaian budaya agar suasana pembelajaran menjadi lebih inklusif, selesa dan menarik penglibatan aktif pelajar.

Sebagai pendidik selama 25 tahun, saya berharap agar terus dikurniakan kesihatan, kekuatan dan semangat untuk mendidik dengan ikhlas serta kekal relevan dengan perubahan zaman. Kepuasan saya adalah melihat kejayaan dan akhlak baik pelajar yang pernah saya bimbing.

“Jadilah guru yang mendidik dengan cinta, membangkitkan semangat dan membentuk akal, hati dan keperibadian pelajar.”

Harapan saya untuk para pelajar pula adalah agar mereka menjadi insan berilmu, berakhlak mulia, mencintai bahasa dan budaya, serta yakin dengan jati diri. Saya mengimpikan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi juga berjaya



besar dan bermanfaat kepada masyarakat.

Saya juga ingin melihat profesi perguruan terus dihormati, guru muda terinspirasi, dan sistem pendidikan melahirkan insan seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan sosial.

Bagi saya, Arif Budiman membawa maksud seorang yang berilmu; bukan sahaja bijak dari segi intelek, tetapi juga tinggi nilai moral dan akhlakunya.

Ia melambangkan keseimbangan antara kebijaksanaan dengan kebaikan hati; seseorang yang menggunakan ilmunya untuk membimbing dan memahami keperluan pelajar secara holistik. Sifat budiman pula mencerminkan keikhlasan, kesabaran dan akhlak mulia dalam membimbing jiwa dan membentuk nilai serta boleh dijadikan teladan.

Arif Budiman menjadi aspirasi untuk mendidik dengan hati, menjadikan ilmu sebagai amanah dan meletakkan pembangunan diri pelajar melebihi pencapaian akademik mereka semata-mata.

Ia menjadi prinsip yang mengingatkan saya bahawa ilmu tanpa budi tidak akan mampu membina insan yang sempurna.

Pernah sekali saya membimbing seorang pelajar pendiam yang baru mendapat berita bahawa ibunya menghidap barah. Di sekolah, dia suka menyendiri. Saya cuba mendekatinya. Saya tahu dia berbakat dalam seni silat. Saya gunakan kekuatan itu untuk memulihkan semangatnya.





Dengan dorongan berterusan dan sokongan emosi, dia akhirnya selesa bersuara, berani membuat persembahan silat dan menyertai pertandingan bercerita. Kejayaannya membuktikan bahawa kepercayaan, empati dan pendekatan yang tepat mampu mencetuskan perubahan besar dalam diri pelajar.

Seperti akordion yang mengembang dan menguncup untuk menghasilkan alunan harmoni, begitulah saya sebagai pendidik. Saya sentiasa menyesuaikan pengajaran agar seiring dengan keperluan dan potensi murid.

Setiap kekunci dan butang pada akordion mewakili kaedah atau strategi berbeza yang saya gunakan untuk mencapai hasil pembelajaran yang seimbang dan menyeluruh.

Bagi saya, akordion melambangkan keupayaan saya untuk mencipta pembelajaran yang bermakna, pelbagai, dan penuh irama kehidupan.

FINALIS AGAB 2025

KATEGORI TELADAN

NORZAIDAH BINTE SUPARMAN
Sekolah Perempuan Crescent



Saya memulakan perkhidmatan di sekolah rendah selama enam tahun setengah dan pernah menyandang jawatan sebagai Pemangku Ketua Subjek. Pada tahun 2010, saya diberikan biasiswa (Anugerah Bahasa Ibunda) oleh Kementerian Pendidikan, sebelum ditugaskan ke Sekolah Perempuan Crescent pada tahun 2012 hingga kini. Di sekolah ini, saya berperanan sebagai *Instructional Mentor*, guru khusus bagi Pendidikan Perwatakan dan Kewarganegaraan (CCE), serta Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Kakitangan. Saya juga merupakan guru yang mengajar PBahasa Melayu (Program Khas) [Malay (Special Programme)], selain dilantik sebagai *Guru Mentor* untuk pelajar-pelajar yang menerima biasiswa ASEAN di sekolah saya. Saya turut diberi amanah oleh pengetua sekolah saya untuk mengetuai program darmawisata ke Hanoi, Vietnam. Semua peranan ini memberikan ruang untuk saya menyumbang kepakaran, membimbing pelajar serta menyokong perkembangan rakan sejawat secara berterusan.

Sepanjang 21 tahun sebagai pendidik, saya berdepan pelbagai cabaran, khususnya menyesuaikan diri dengan perkembangan pesat dalam dunia pendidikan dan teknologi. Namun, sokongan MOE dan pihak sekolah melalui latihan, kursus dalam talian, serta



bimbingan ICT banyak membantu saya menguasai alat digital dengan lebih berkesan. Cabaran lain adalah mengurus masa serta mengimbangi kerjaya dan kehidupan peribadi yang sedikit sebanyak diringankan dengan inisiatif kebajikan guru yang dilaksanakan oleh pihak sekolah. Sebagai guru Bahasa Melayu, kecenderungan pelajar bertutur dalam bahasa Inggeris di rumah juga merupakan satu cabaran yang cuba ditangani melalui pendekatan kreatif berpusatkan pelajar, penggunaan SLS dan AI, serta program-program pemeraksanaan bahasa seperti Dwimingguan Bahasa.

Harapan saya sebagai seorang pendidik adalah untuk menjadi lentera yang menyinari jalan anak bangsa. Ilmu yang saya miliki ingin saya kongsi seikhlasnya, sambil terus belajar tanpa henti — hatta daripada anak-anak didik saya sendiri. Saya amat berharap dengan perkongsian saya tentang aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang saya lakukan di luar sekolah menjadi titik mulanya cinta anak-anak didik saya dalam hal yang serupa. Saya berhasrat membentuk generasi yang teguh berpasak pada budaya dan citra bangsanya, namun tetap terbuka mendepani dunia. Bahasa Melayu bagi saya bukan sekadar alat komunikasi, tetapi nadi identiti yang harus dijunjung. Moga pelajar-pelajar saya menjadi insan berilmu, berakhlak, berbudaya, dan berani menyumbang demi kesejahteraan masyarakat.

Bagi saya, Arif Budiman merujuk kepada insan yang berilmu dan menggunakan ilmunya untuk berbakti kepada masyarakat. Seorang guru yang digelar Arif Budiman bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi juga menanamkan nilai murni agar pelajar terdorong untuk memberikan sumbangan positif kepada orang lain. Saya percaya bahawa ilmu tidak boleh disimpan untuk diri sendiri, sebaliknya harus dikongsi demi kebaikan bersama. Dalam konteks pendidikan, tugas saya menuntut keikhlasan,



kesediaan menuntut ilmu sepanjang hayat, serta keberanian membimbing generasi muda menjadi insan berilmu, berbudi, dan mampu menyumbang demi kesejahteraan masyarakat khususnya bangsa.

Pengalaman yang tidak dapat saya lupakan ialah sewaktu berjaya membantu seorang pelajar keperluan khas yang menghadapi krisis emosi di dalam kelas Pendidikan Seni dan memastikan keselamatan semua

pelajar yang hadir. Situasi amat genting kerana bantuan belum tiba, manakala beberapa orang pelajar serta guru lain berada dalam ketakutan. Dalam suasana getir itu, saya perlu bijak mengawal emosi, bertindak pantas, serta memastikan keselamatan semua yang ada. Pengalaman ini benar-benar menguji ketabahan dan kecekapan saya sebagai seorang pendidik.

Seperti labu sayung yang dibentuk dengan teliti daripada tanah liat, saya percaya setiap pelajar juga mempunyai potensi unik untuk dibentuk. Proses membakar dan menggilap labu sayung melambangkan cabaran serta bimbingan yang diperlukan untuk menguatkan jati diri pelajar. Sebagai pendidik, saya berpegang bahawa dengan kesabaran, kasih sayang dan ilmu, murid akan berkembang menjadi insan berharga dan berilmu yang pada akhirnya dapat memberikan manfaat kepada masyarakat.





“Setiap cabaran mendidik ialah peluang untuk menyemai harapan dan menghidupkan semangat dalam jiwa.”

FINALIS AGAB 2025

KATEGORI TELADAN

SUHANA BINTE JUMADI
Sekolah Menengah Juying



Saya seronok mengajar Bahasa Melayu di sekolah saya walaupun saya juga berhadapan dengan pelbagai cabaran. Saya dapat memotivasi mereka untuk berusaha menggunakan bahasa Melayu walaupun zaman kian mencabar daripada sebelumnya. Saya juga berasa tersentuh apabila saya juga menerima kedatangan para pelajar Melayu yang bersemangat untuk mempelajari Bahasa Melayu. Kehadiran mereka dalam kelas saya menyuntik semacam harapan bahawa bahasa Melayu itu tidak mati.

Sebahagian pelajar datang daripada keluarga yang tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan di rumah. Hal ini menyebabkan mereka kurang berpeluang untuk mempraktikkannya dalam kehidupan seharian, sekali gus menyukarkan usaha saya sebagai guru untuk membantu mereka menguasainya.

Selain itu, terdapat juga pelajar yang kurang bermotivasi untuk belajar. Golongan ini sering tidak hadir ke sekolah dan sering ketinggalan dalam pelajaran. Walaupun mereka masih menghormati saya sebagai guru subjek mereka, minat untuk berusaha dan memberikan yang terbaik dalam subjek Bahasa Melayu masih rendah.



Saya ingin terus menjadi jambatan yang menghubungkan remaja-remaja dengan dunia Melayu. Selain itu, saya berhasrat untuk menjadi sumber inspirasi kepada para pelajar saya dengan apa jua cara kerana ada kalanya mereka tidak mendapat sokongan moral dan emosi daripada ibu bapa mereka.





Justeru, saya berharap kehadiran saya dalam kehidupan mereka dapat memberikan peluang untuk mereka didengari, dilihat, dipeduli dan dihargai.

Arif Budiman ialah seorang yang berintelek dan berhati nurani, menjadi teladan kepada masyarakat sekelilingnya tanpa mengira bangsa, usia atau agama, selaras dengan falsafah sejagat tentang insan yang benar-benar manusiawi.

Bagi saya, durian melambangkan peribahasa ‘tak kenal maka tak cinta’. Saya sedar ada yang tidak menyukai durian, tetapi bagi penggemar buah ini, pasti mereka faham bahawa durian sangat enak untuk dinikmati. Duri-duri pada permukaannya sekadar gambaran luaran; hakikatnya, isi di dalam itu manis dan lembut. Justeru, bagi saya, pelajar yang belum mengenali saya tidak mungkin ‘mencintai’ saya sebagai guru. Mereka perlu merasai sendiri pengalaman berada di dalam kelas saya—mendengar saya berceloteh, bergurau, berinteraksi—barulah mereka memahami dan menghargai siapa saya. Jika personaliti saya disalah tafsir, saya tidak berkecil hati kerana mereka belum benar-benar mengenali saya, apatah lagi ‘jatuh cinta’ dengan saya sebagai guru.

“Ajarlah walaupun dibenci. Ajarlah untuk berkongsi. Ajarlah sehingga kamu dicintai. Ajarlah dengan penuh rendah diri.”



Dikau Guru Arif Budiman

Nyanyian: Syah Riszuan

Seni Kata: Abdul Harris Sumardi, Tajudin Jaafar dan Zafilin Abdul Hamid

Seni Lagu: Djohan Abdul Rahman dan M Ilyia (Meraqi Studios)

Dikaulah Guru Arif Budiman
Dikau perangsang dikau teladan
Pejuang lestari bahasa
Menjunjung budaya bangsa
Kemudi pelbagai peran
Mencorak masa depan watan

Mengasuh menuntun
Membimbing menghibur
Bijak menyusun, tekun mengatur
(Demi nusa demi bangsa
demi nusa bangsa)

Sumbangan jelas ketara
Perkukuh nilai perkasa minda
Hingga menggapai puncak Sejahtera

Pengorbananmu tanpa jemu
Perjuanganmu jitu sepadu
Dikau Guru Arif Budiman
Aspirasi zaman-berzaman

MENJUNJUNG BUDI

MENJUNJUNG BUDI

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2025 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat akhir. Jutaan terima kasih dan penghargaan juga dirakamkan kepada pengetua serta kakitangan Sekolah Rendah Punggol.

Dr. Norshahril Saat
Zamil Kanan & Penyelaras
Program Pengajian Sosial dan Budaya Serantau (RSCS)
ISEAS - Institut Yusof Ishak

Dr. Roksana Bibi Abdullah
Profesor Madya
Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Asia
NIE/NTU

Encik Amrin Amin
Ketua Pembangunan Korporat
Temasek Foundation

Encik Daud Yusof
Penyampai dan Editor Kanan Berita
Berita Mediacorp

Encik Faisal Pairin
Timbalan Pengarah Pendidikan Wajib
Bahagian Sekolah-Sekolah
Kementerian Pendidikan

Encik Mohd Azhar Terimo
Pengetua
Sekolah Menengah Pei Hwa

Encik Zainal Sapari
Penolong Pengarah Agung
Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan

Puan Hanim Mohd Salleh
Editor Bersekutu
Berita Harian
SPH Media Ltd

Puan Norhayati Awang
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Kementerian Pendidikan

Puan Rasidah Rahim
Pengetua
Sekolah Menengah Clementi Town

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2025 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada panel penilai peringkat saringan. Jutaan terima kasih dan penghargaan juga dirakamkan kepada pengetua serta kakitangan Sekolah Menengah Westwood.

Dr. Suryani Atan
Felo Pengajar
Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Asia
NIE/NTU

Encik Amran Tasrif
Naib Pengetua
Sekolah Rendah North Vista

Encik Muslim Hanafiah
Guru Pakar
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Kementerian Pendidikan

Encik Rahmat Subadah
Guru Pakar
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Kementerian Pendidikan

Encik Rohan Nizam Basheer
Yang Dipertua
Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS)

Puan Asnah Asrap
Ahli Jawatankuasa
Persatuan Guru Bahasa Melayu Singapura (PGBM)

Puan Asnida Daud
Pakar Kanan (Rekaan Media untuk Pembelajaran)
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan

Puan Azlinda Samsudin
Naib Pengetua
Sekolah Menengah Bedok South

Puan Ramlah Begam
Felo Pengajar
Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Asia
NIE/NTU

Puan Sri Rahayu Zainal
Pegawai Kanan
Pejabat Dasar Kurikulum
Kementerian Pendidikan

Jawatankuasa Penganjur AGAB 2025 merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada individu-individu berikut: panel penilai peringkat senarai pendek.

Cik Siti Fazila Ahmad
Pakar Penaraju, Bahasa Melayu
Kementerian Pendidikan

Puan Rina Kesumawati Mizzy Ahmad
Pakar Kanan, Bahasa Melayu
Kementerian Pendidikan

Puan Noor Azimah Mohd Haad
Penolong Pengarah dan Pakar Kanan,
Bahasa Melayu
Kementerian Pendidikan

Puan Salina Saiman
Pakar Kanan, Bahasa Melayu
Kementerian Pendidikan

Ilham dan Karya Arca AGAB 2025

Cik Sabirah Husnah Shahul Hamed	Guru, Sekolah Menengah Boon Lay
Cik Claris Ang	Guru, Sekolah Menengah Westwood
Encik Ahmad Abu Bakar	Artis tembikar
Naurah Anis Elias	Pelajar, Sekolah Menengah Boon Lay
Sharline Tham	Pelajar, Sekolah Menengah Boon Lay
Chen Yingjie	Pelajar, Sekolah Menengah Boon Lay
Wang Zichun	Pelajar, Sekolah Menengah Boon Lay
Zipagan Karl Joseph Alarcio	Pelajar, Sekolah Menengah Westwood
Nora Nadira Noradee	Pelajar, Sekolah Menengah Westwood
Nurin Batrisyia Khamis	Pelajar, Sekolah Menengah Westwood
Tu Siran	Pelajar, Sekolah Menengah Westwood

Penulis & Pembaca Watikah

Cikgu Manisah Osman (Penulis dan Pembaca)

Cikgu Rasidah Rasit (Penulis) / Cikgu Amalina Shalan (Pembaca)

Cikgu Siti Aishah Mohd Kamsani (Penulis dan Pembaca)

Pengacara Majlis

Encik Fir Rahman

Cikgu Noraini Karsani

Kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penganugerahan AGAB 2025.

Video Khas SG60: Menelusuri Waktu, Menyuluh Jalan

Dr. Nor Hanisah Saphari

Cikgu Suraidi Sipan

Cikgu Ezra Sham Mohamed

Cikgu Abdul Malek Ahmad

JAWATANKUASA PENGANJUR AGAB 2025

Anugerah Guru Arif Budiman 2025 dianjurkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Persatuan Guru Bahasa Melayu (PGBM) dan Berita Harian (BH) dengan sokongan Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC).

Pengerusi Bersama

1. Dr. Roszalina Rawi (MBMS)
2. Encik Abdul Harris Sumardi (PGBM)
3. Encik Puad Ibrahim (BH)
4. Encik Zafilin Abdul Hamid (MLLPC)

Anggota Sekretariat

1. Cik Rita Goh (MBMS)
2. Encik Abdul Khalik Saidin (PGBM)
3. Encik Roslie Buang Sidik (PGBM)
4. Encik Taufik Siniwi (PGBM)
5. Cik Nurfahruriza Ismail (BH)
6. Puan Rabi'ah Rahmat (MLLPC)
7. Puan Munirah Mohamed (MLLPC)
8. Puan Nur'Hanim Mohamed (MLLPC)
9. Encik Mohamed Rozaini Bin Bidin (MLLPC)

